

17 AUG 1996

KEMPEN KIBAR BENDERA DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 17 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini meminta generasi muda supaya sentiasa menghargai kemerdekaan dan meneruskan usaha generasi terdahulu untuk mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara.

Beliau berkata mereka tidak harus leka dengan arus kemajuan pesat yang dikecapi kini kerana kelalaian terhadap tanggungjawab mengekalkan kestabilan akan membawa kepada kehancuran atau kemuduran negara.

Ketika melancarkan kempen mengibarkan bendera menjelang sambutan hari Kebangsaan ke-39, beliau berkata rakyat berbilang kaum perlu mengeratkan persefahaman dan hidup seperti sebuah keluarga di samping menguatkan azam dan komitmen untuk menjayakan Wawasan 2020.

"Kita mempunyai segala aset seperti mewarisi tamadun besar, agama dan tradisi yang cemerlang dan kesemua ini perlu digunakan untuk menerokai potensi perjuangan yang lebih mencabar pada masa akan datang," katanya.

Koh juga meminta sekolah-sekolah supaya menerangkan mengenai erti kemerdekaan kepada murid-murid dan membimbing mereka untuk mengisi kemerdekaan itu agar mereka tahu bahawa kemerdekaan itu sesuatu yang amat berharga bagi negara ini.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan bendera kepada wakil-wakil rakyat serta syarikat swasta untuk dikibarkan di kawasan masing-masing.

Koh juga menandatangani kad perutusan dari seluruh rakyat negeri ini sebagai menghargai jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena 15 tahun beliau menjadi Perdana Menteri. -- BERNAMA

ZU MAI